



SUARA

Februari 1989

ISSN 0123-1194

BANDARAYA

Datuk Bandar Lancarkan Unit Berkuda DBKL

Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar, telah melancarkan dengan resminya Unit Berkuda Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Februari lalu, sempena sambutan ulang tahun ke-15 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Taman Tasik Bandar Tun Razak.

Seramai 13 orang anggota Unit Berkuda, termasuk empat wanita, menerima 'sayap' mereka daripada Dato' Elyas Omar. Mereka terpilih sebagai pelatih terbaik berdasarkan ketabahan dan dedikasi mereka melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Penubuhan Unit Berkuda Direktorat Penguatkuasaan DBKL adalah idea Datuk Bandar sendiri yang dicadangkan pada tahun 1985.

Tiga tahun kemudian, ia menjadi kenyataan. Unit Berkuda itu mempunyai seramai 60 orang kakitangan yang diketuai oleh seorang Inspektor selaku komandan, untuk mengendalikan 24 ekor kuda yang dibeli dari Australia.

Untuk melicinkan pengurusannya, mereka dibantu oleh Lembaga Penasihat Unit Berkuda yang terdiri daripada ahli-ahli profesional dan orang-orang yang berpengalaman.

Penubuhan Unit Berkuda ini membuka lembaran sejarah baru dan menandakan satu lagi kejayaan DBKL untuk menaikkan imej Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan bandaraya yang setaraf dengan bandaraya termaju di barat.

Pengarah Direktorat Penguatkuasaan, Encik Yusof Ariffin, menerangkan bahawa pemilihan kakitangan Unit Berkuda dibuat berasaskan bentuk badan yang tegap, sanggup menanggung risiko semasa bertugas dan bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja seperti menyelenggara kandang, menjaga kuda, menunggang dan berminat dengan hal-hwal kuda.

Mereka dikehendaki menjalani latihan-latihan menunggang kuda, pertunjukan berkuda, perhubungan awam, penyelenggaraan dan pengurusan kuda dan kandang.

Menurut Encik Yusof, antara berbagai kegiatan Unit Berkuda termasuk berkawad dengan berpakaian istiadat, berlatih untuk pertunjukan 'show-jumping', meronda dengan menggunakan alat perhubungan 'walkie-talkie',

Salah seorang anggota Unit Berkuda dengan pakaian seragam istiadat.

perarakan kenderaan bergerak untuk membawa kuda dan pembentukan satu formasi semasa pertunjukan kuda.

Anggota-anggota Unit Berkuda ditugaskan meronda kawasan taman DBKL seperti Taman Tasik Perdana, Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Tasik Bandar Tun Razak.

Di samping itu, mereka juga ditugaskan menjaga keselamatan harta benda awam di kawasan taman serta membantu orang ramai menggunakan kemudahan-kemudahan awam dengan sempurna.

Semasa perayaan atau pesta, unit itu mengadakan pertunjukan berkuda seperti 'show jumping', 'musical ride' dan 'tent pegging'.



Datuk Bandar diiringi oleh Pengarah Direktorat Penguatkuasaan memeriksa barisan Unit Berkuda.

SUARA BANDARAYA

EDITORIAL

Penasihat

Abu Bakar Effendie

Editor

Zarina Ahmad Osman

Penolong Editor

Mohamed Hashim Hj. Mohd. Ali
Jennifer Vincent

Jurufoto

Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rhani Mohd. Sohor

Pemberita

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Haliza Khalil
(Pelatih ITM)

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana dan karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

Editor

Suara Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Urusetia Bandaraya
Tingkat 6,
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
Telefon: 2916011 Sambungan 147/432/122

PERHATIAN

Semua pendapat dan fakta dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Editorial and Design Consultant:
Shahreen Corporate Communications Sdn Bhd

Printed by:

Micom Sdn. Berhad
26, Jalan Segambut Pusat,
51200 Kuala Lumpur.

Kandungan

Datuk Bandar Lancarkan Unit Berkuda DBKL	1
Dari Meja Datuk Bandar	3
Taman Burung Terbesar Di Asia Tenggara	4
Daya Tarikan Terbaru Di Ibu Kota	5
Membersihkan Kuala Lumpur Dari Segi Fisikal Dan Moral	7
Persidangan Pencemaran Alam	9
Perumahan Termoden Di Rantau Ini	10
Baiki Taraf Hidup Setingan	11
Pekerja Terima Anugerah Kelab Rotary	12
Markas Penagih Dadah Diroboh	13
Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1989	14
Lawatan Sambil Belajar Ke Jepun	16
Lesen Penjaja Melalui Van Bergerak Berkursus	17
Lawatan Sehari Ke MPPJ	17
Pelajar Sekolah Menerima Sumbangan	18
Ramai Pekerja Belum Menjadi Ahli	18
Ramayah Pengerusi Selama Tujuh Tahun	19
Dr. Jesse George – Miss Personaliti	20
Malam Raikan Kakitangan Bersara	20
Ekspedisi Kayak Diekori Jerung Yang Dipertua Baru	21
Jimnasionium Untuk Jabatan Penjaja	22
Profail – Sabtu Hussein	23
Velodrom Siap Menjelang Sukan Sea	24
Kemudahan Polo Air Di Kompleks Renang DBKL Sediakan 10 Gelanggang	24
Taman Akuatik Meriahkan Lagi Wangsa Maju	25
Jaga Kesihatan – Mengawal Berat Badan	26
Noor Arzmi Baiki Rekod Renang	26
Kejohanan Renang Antara Kelab	27

DARI MEJA DATUK BANDAR

Ulang tahun ke-15 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekali lagi memberi sebab kepada wargakota untuk berpesta, beramai-ramai merayakannya. Kanak-kanak dan orang dewasa dari segenap lapisan hidup telah dihiburkan dengan berbagai acara yang diadakan di tempat-tempat berasingan di sekitar bandaraya. Tetapi kemuncak perayaan tahun ini ialah upacara pelancaran Unit Berkuda Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang berlangsung dalam suasana meriah dan warna-warni.

Saya telah mencadangkan penubuhan unit itu pada tahun 1985 dan saya rasa sungguh bangga melihat pelancarannya pada 1 Februari lalu. Saya harap anggota-anggota unit itu akan sentiasa berusaha untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan cekap berpandukan cogan-kata mereka - 'Yakin, Berani, Sabar dan Dedikasi'.

Bandaraya kita kini sedang menjalani pembangunan pesat dan berbagai projek dilaksanakan dalam usaha Dewan Bandaraya untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya yang indah dan bersih. Sebuah projek penting yang sedang dilaksanakan ialah taman burung di Taman Tasik Perdana. Apabila siap menjelang bulan Oktober tahun ini, ia dijangka akan merupakan taman



burung yang terbesar di Asia Tenggara.

Sebuah lagi projek yang sedang dimajukan di Taman Tasik Perdana ialah taman bunga raya. Ia telah dicadangkan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, dan apabila siap dalam bulan September ini, lebih daripada 200 jenis bunga kebangsaan kita akan berkembang mekar di dalamnya. Taman burung dan taman bunga raya itu dijangka akan menarik ramai pelawat tempatan dan luar negeri, yang bukan sahaja berpeluang untuk menikmati keindahan alam semula jadi, tetapi juga dapat menggunakan berbagai kemudahan yang disediakan.

Kuala Lumpur sedang berkembang maju menjadi bandaraya dalam taman yang kita idamkan. Saya harap, kemajuan yang kita nikmati tidak akan menjejaskan nilai-nilai keperibadian serta identiti kita sebagai rakyat Malaysia yang terkenal ramah, mesra, berbudaya, santun dan berbudi bahasa.

FROM THE DESK OF DATUK BANDAR

The 15th Federal Territory Day, once again gave the people of Kuala Lumpur a reason to throng the streets and celebrate. People from all walks of life, children and adults, were treated to a variety of programmes, organised in different parts of the city. But the highlight of this year's celebration, one accompanied by pomp and colour, was the launching of City Hall's Enforcement Directorate's mounted unit. (See cover).

I suggested the formation of this unit in 1985 and to see the squad swing into full action on February 1 was indeed memorable. I hope members of the unit will always live by their motto - 'Confident, Bold, Patient and Dedicated' - and strive to serve the public efficiently.

Our city is presently undergoing rapid development and various projects are in the pipeline as part of City Hall's efforts to create a beautiful, clean Kuala Lumpur. A major project currently taking shape is a bird park in Taman Tasik Perdana. When completed in October this year, it is expected to be the largest in Southeast Asia.

Also being developed at the Taman Tasik Perdana is a hibiscus garden. The project was suggested by none other than the Prime Minister's wife, Datin Seri Dr. Siti Hasmah and when completed in September, it will have more than 200 species of our national flower. Both the bird park and

hibiscus garden are expected to draw vast numbers of local and foreign visitors, who will not only have a chance to enjoy nature but also take advantage of various amenities being planned in conjunction with these developments.

Our city is fast becoming the garden paradise we want it to be. It is my sincere hope that the growth we are enjoying will not affect basic qualities such as warmth, courtesy and hospitality ... principle components of the Malaysian identity. •



Hibiscus Garden: Expected to draw vast numbers of visitors.